

27/03/1997

DCA turut siasat enjin Augusta

Ahmad Nazri Mohamad

KUALA LUMPUR, Rabu - Jabatan Penerbangan Awam (DCA) menugaskan seorang atau dua pegawai penyiasatnya mengiringi komponen helikopter Augusta A109E Power yang akan dihantar dan dianalisis di United Kingdom, Itali dan Amerika Syarikat, tidak lama lagi.

Pengarah DCA, Zaini Omar, berkata pegawai penyiasat terbabit perlu mengiringi komponen helikopter seperti enjin dan kotak gear yang dihantar ke luar negara itu bagi mengelakkan berlaku penyelewengan ketika penganalisan oleh pakar berkenaan.

"Pegawai penyiasat terbabit akan mengawasi penganalisisannya serta mendapatkan maklumat yang lebih jelas mengenai komponen pesawat yang dikaji itu," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Komponen pesawat itu akan dihantar kepada Lembaga Penyiasatan Kemalangan Penerbangan (AAIB) United Kingdom, Syarikat Cosrtruzioni Aeronautice Giovanni Agusta SpA di Itali yang mengeluarkan helikopter itu.

Sebahagian daripada komponen enjinnya juga akan dihantar kepada Syarikat Pratt & Whitney dari Amerika Syarikat yang membuat enjin 206C helikopter itu.

Katanya, DCA percaya siasatan punca nahas itu lebih mudah diselesaikan selepas beberapa komponen pesawat yang terbabit dalam nahas mengorbankan tokoh korporat Tan Sri Yahaya Ahmad, dianalisis.

"Kini, pegawai penyiasat terbabit membuat persediaan seperti membahagi-bahagikan komponen enjin mengikut tempat yang akan dihantar itu," katanya.

Dalam kejadian 3 Mac lalu, Pengerusi DRB-Hicom, Yahaya, 51; isterinya, Puan Sri Rohana Othman dan juruterbang, Mejar (B) Azlizan Abdul Manas terbunuh selepas helikopter yang dinaiki mereka terhempas di Kampung Atong, Kuala Lipis, Pahang.

Helikopter itu terhempas kira-kira jam 10.45 malam, ketika mangsa dalam perjalanan ke Kuala Terengganu untuk melawat ibu Yahaya yang sakit.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta siasatan menyeluruh dijalankan bagi mengenal pasti punca nahas Helikopter Agusta A 109E Power milik Gadek Aviation itu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor memberi jaminan polis akan cuba menyelesaikan siasatan punca nahas itu secepat mungkin.

(END)